

12/01/2001

Rakyat percaya pimpinan Mahathir

PADA Ogos tahun lalu, penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengupah kumpulan pelobi yang berpangkalan di Washington, Janus Merritt Strategies (JMS), sejumlah AS\$200,000 (RM760,000) bagi mengenakan tekanan terhadap pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Antara langkah yang disarankan ialah melaksanakan program untuk mengenakan tekanan politik dan ekonomi terhadap Kerajaan Malaysia yang bermatlamat membebaskan Anwar; melaksanakan rentetan langkah meminggirkan Kerajaan Malaysia; mengapiakan kemarahan antarabangsa terhadap Malaysia; dan memperkenalkan undang-undang sekatan dalam Kongres Amerika. Rakyat Malaysia yang menaruh kepercayaan kepada kepemimpinan Dr Mahathir serta cintakan keharmonian, yakin rancangan itu tidak akan memberi banyak kesan.

Selepas empat bulan, komplot penyokong Anwar belum menunjukkan apa-apa kemajuan. Malah, rombongan 10 kakitangan Kongres Amerika dalam pertemuan dengan Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar, Selasa lalu, turut percaya resolusi tujuh anggota Kongres Amerika tahun lalu, tidak akan memberi kesan perundangan terhadap negara ini. Berdasarkan kira-kira 5,000 rang undang-undang yang dikemukakan kepada Kongres setiap tahun, peluang untuk resolusi meminta Kerajaan Malaysia mengadakan perbicaraan baru bagi Anwar atau menggugurkan semua tuduhan terhadap beliau, mempunyai peluang amat tipis untuk diluluskan. Kita percaya kebenaran dan keadilan akan terserlah jua akhirnya dan setakat ini ia belum meleset.

(END)